

11/03/2001

Perlu terima pelawaan sebelum kemuka syarat

GUA MUSANG: Pas seharusnya menerima dulu pelawaan Umno untuk mengadakan pertemuan bagi menyelesaikan masalah perpecahan Melayu sebelum menuntut pelbagai syarat yang boleh membantutkan usaha perpaduan.

Ini kerana, Umno sudah menyuarakan keikhlasan bagi mengadakan perjumpaan dianggap penting untuk masa depan orang Melayu supaya tidak timbul masalah yang boleh menyinggung perasaan kedua-dua pihak.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Umno mempunyai agenda menarik khususnya berkaitan perpaduan orang Melayu.

Beliau berkata, pemimpin Umno malu apa yang berlaku sekarang berikutan perselisihan faham sesama Islam.

"Saya percaya pertemuan Umno-Pas dapat menyelesaikan masalah perpecahan orang Melayu secara musyawarah mengikut tuntutan Islam.

"Kita minta Pas ketepikan segala tuntutan dan syarat. Yang penting persetujuan mengadakan perjumpaan dan perkara lain boleh dikemukakan selepas ini," katanya pada majlis perjumpaan dengan pemimpin Umno bahagian Gua Musang, di sini, semalam.

Mustapa yang juga Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan berkata, tawaran perjumpaan itu adalah untuk peringkat permulaan mencari kata sepakat dalam konteks perpaduan orang Melayu.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah berulang kali menjelaskan perjumpaan itu ikhlas dan tidak ada kepentingan politik.

(END)